

POTENSI KEUSAHAWANAN DI KALANGAN ORANG ASLI
POTENTIAL ENTREPRENEURSHIP AMONG ORANG ASLI

SUHAILA BINTI ABDUL LATIFF @ SETRA

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan potensi keusahawanan di kalangan Orang Asli. Ianya berkait rapat dengan ilmu pengetahuan peribumi yang merangkumi ilmu pengetahuan tradisional, ilmu pengetahuan teknikal peribumi, etno-sains, sains tempatan, sains nenek moyang, ilmu sains tradisional, ilmu tentang alam sekitar, sains penduduk dan sains kampung. Pemodenan yang wujud meningkatkan tekanan mereka untuk terus membekalkan sumber yang diperlukan bagi menampung keperluan kehidupan komuniti yang mula bergantung kepada pasaran dan nilai individualistik. Dapatan kajian melaporkan terdapat sebilangan Orang Asli yang berpotensi dalam bidang keusahawanan. Oleh yang demikian, kerajaan perlu memainkan peranannya dalam membantu komuniti Orang Asli membangunkan ekonomi mereka dalam bidang keusahawanan dengan mengadakan program dan kursus yang bersesuaian dengan mereka.

Kata kunci : Orang Asli, Keusahawanan

ABSTRACT

This study attempts to scrutinize the potential of entrepreneurship among the orang asli. This is closely related to indigenous knowledge that includes traditional knowledge, indigenous technical knowledge, ethno-science, domestic science, the science of their ancestors, traditional science, knowledge about the environment, science of village and residents. Modernization has increased their pressure to continuously provide necessary resources to meet the needs of the community life which began to depend on the market and the value of individualistic. The findings show that there is a number of potential orang asli to involve in entrepreneurship. Therefore, the government should play an important role in assisting communities of orang asli to develop their economies in the field of entrepreneurship by establishing programs and courses that are appropriate to them.

Key words: Aboriginal, Entrepreneurship

PENGENALAN

Menurut para pengkaji sejarah, kepulauan Melayu telah mula diduduki oleh manusia yang dipanggil Austronesian atau Malayo-Polynesia sekitar 5,000 tahun dahulu. Mereka ini dikatakan berasal daripada Selatan China (Yunan) dan Taiwan. Penghijrahan mereka ke selatan adalah secara 'sporadic', 'irregular' dan 'incremental'. Bermula dari Filipina menganjur ke pulau-pulau Indonesia sehingga ke penghujung tanah besar Asia, pulau-pulau Pasifik dan Madagascar. Majoriti Orang Asli di Malaysia (termasuk kaum Bumiputera) yang menghuni kawasan Indo-Malaya sekarang ini adalah keturunan daripada manusia Austronesian awal ini. Hasil daripada Banci Penduduk JHEOA 2004, jumlah populasi Orang Asli Malaysia ketika ini ialah seramai 141,230 orang. Mereka terbahagi kepada tiga Kumpulan Kaum Orang Asli iaitu, Melayu Proto (Proto-Malay), Negrito dan Senoi yang membentuk 18 Rumpun Bangsa. Terdapat kira-kira 140,000 Orang Asli di Malaysia, kebanyakannya bertumpu di Semenanjung Malaysia. Masyarakat Orang Asli merupakan komuniti kecil di Malaysia dan adalah penduduk peribumi negara ini. Orang Asli merupakan masyarakat yang mempunyai beberapa suku kaum yang berbeza-beza. Secara rasminya masyarakat Orang Asli dibahagi kepada tiga kumpulan yang terbesar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Suku Senoi dan Negrito pula diklasifikasikan kepada enam suku kecil. Suku Melayu Asli dipecahkan kepada tujuh suku kecil. Orang Proto-Malay tinggal berjiran dengan Orang Melayu di Selangor, Negeri

Sembilan, Melaka dan Johor. Adat resam dan kebudayaan mereka boleh dikatakan ada persamaan tertentu dengan orang Melayu. Kebanyakan perkampungan mereka kini terletak di dalam kawasan bandar dan pinggir. 6 suku kaum di dalam rumpun bangsa Melayu-Proto ialah Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Kuala dan Orang Seletar. Orang-orang Senoi mendiami lereng Titiwangsa iaitu di pedalaman Negeri Perak, Kelantan dan Pahang. Terdapat 6 suku kaum di dalam rumpun bangsa Senoi iaitu Che Wong, Mahmeri, Jahut, Semoq Beri, Semai dan Temiar. Bagi suku kaum Negrito pula terdiri daripada Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq.

Oleh kerana terdapat pelbagai suku kaum di kalangan masyarakat Orang Asli, maka terdapat banyak perbezaan dari segi cara hidup dan pertuturan bahasa yang digunakan. Kebudayaan dan adat resam mereka juga berbeza-beza dan mempunyai keunikan yang tersendiri. Adat resam berikut akan memperlihatkan adat resam yang diamalkan di kalangan masyarakat Orang Asli secara keseluruhan. Orang Asli merupakan komuniti yang terbukti kaya dengan ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan tentang pengurusan alam semulajadi. Kehebatan komuniti tersebut ternyata berpunca daripada pengaplikasian kebijaksanaan ilmu tradisional yang diwarisi oleh generasi terdahulu. Keserasian cara hidup yang begitu harmoni dengan alam sekitar membolehkan mereka mengenal pasti tanah yang sesuai untuk bertani, hasil hutan yang bermanfaat dan pemuliharaan yang berkesan demi menghormati sumbangan alam terhadap kehidupan mereka (Rusli Zaenal, 2002). Orang Asli adalah penduduk terawal tinggal di Semenanjung Malaysia sejak kira-kira 5,000 tahun yang lalu. Asal usul mereka dikatakan dari Negeri China dan Tibet yang menyusul laluan penghijrahan melalui tanah besar Asia Tenggara sebelum bertapak di Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Indonesia. Kini, Orang Asli merupakan kelompok minoriti masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia (Nicholas, 2000; Sunaidin, 1997). Mereka dianggap minoriti kerana dengan penduduk seramai 132,000 orang pada tahun 2000, mereka hanya membentuk 0.5% dari jumlah keseluruhan penduduk negara (JHEOA, 2003). Walaupun dikelompokkan di bawah satu kaum yang sama serta mengamalkan kegiatan sosio-ekonomi yang hampir sama, Orang Asli bukanlah kelompok manusia homogenous. Ini kerana masyarakat Orang Asli telah dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan sukubangsa iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (JHEOA, 2003; Nicholas, 2000; Noraini Ali, 1999; Sunaidin 1997).

Siapakah yang dikatakan warga peribumi? Menurut Hasan Mat Nor (1998), umumnya istilah peribumi digunakan bagi merujuk kepada kumpulan-kumpulan etnik natif kepada sesuatu wilayah yang dituntut dan dipertahankan sepenuhnya oleh sesebuah negara di mana mereka ini telah datang di wilayah tersebut lama sebelum wilayah itu wujud sebagai sebuah negara yang berdaulat. Pernyataan ini walau bagaimanapun dilihat masih umum serta kabur untuk digunakan memandangkan semakin lanjut mendapati terdapat beberapa istilah lain yang sering digunakan bagi merujuk kepada masyarakat peribumi iaitu istilah *peribumi*, *bumiputera* dan *Orang Asli*. Kamus Dewan memberi takrif peribumi sebagai 'penduduk asli' dan juga bumiputera (DBP, 1964). Definisi yang hampir sama diberikan kamus Longman (edisi kedua, 1997) yang mentakrifkan peribumi sebagai *aboriginal* iaitu para penduduk asal (*aborigines*) yang telah wujud di sesuatu negeri sejak awal lagi. Dalam konteks ini, dapat difahami bahawa peribumi merupakan istilah umum yang digunakan bagi merujuk kepada semua kelompok manusia yang dianggap sebagai penghuni asal atau terawal di Malaysia.

Manakala, di bawah istilah peribumi ini barulah muncul dua istilah yang lebih spesifik digunakan bagi membezakan status kumpulan-kumpulan 'para penduduk asal' ini iaitu bumiputera dan Orang Asli. Hasan Mat Nor (1998) telah mengemukakan takrifan masyarakat peribumi menurut klasifikasi perundangan di mana terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Menurut beliau, kumpulan kaum yang diklasifikasikan sebagai bumiputera adalah meliputi Orang Melayu di Semenanjung; Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk natif lain di Sarawak; dan Orang Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk-penduduk natif lain di Sabah. Manakala Orang Asli pula meliputi tiga kelompok etnik utama dikenal sebagai Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Hasan Mat Nor, 1998; Sunaidin, 1997). Pengkaji terkemudian seperti Nicholas (2000) mentakrifkan panggilan 'Orang Asli' bermaksud 'tulen' atau 'masyarakat pertama' yang mendiami Semenanjung Malaysia.

Perbezaan maksud istilah bumiputera dan Orang Asli dapat dilihat dengan merujuk kepada definisi di dalam perlembagaan negara dan juga Akta Orang Asli 1954 (Malaysia, 1974). Menurut (fasal) perlembagaan, istilah bumiputera membawa maksud yang lebih luas dan merangkumi keseluruhan Malaysia. Manakala, Akta 134 iaitu akta khusus bagi Orang Asli hanya boleh dikuatkuasakan bagi Semenanjung Malaysia, menetapkan 4 syarat utama bagi mendefinisikan Orang Asli iaitu:

- Mana-mana orang yang bapanya adalah dari rumpun bangsa Orang Asli yang bercakap dalam bahasa Orang Asli yang lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat serta kepercayaan. Ini termasuklah keturunan Orang Asli itu; mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan adalah seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- Anak dari apa-apa persatuan antara seseorang perempuan Orang Asli dengan seseorang lelaki dari kaum lain dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli yang adat dan kepercayaan Orang Asli yang masih lagi menjadi seseorang dari sesuatu masyarakat Orang Asli.
- Mana-mana Orang Asli yang tidak lagi berpegang kepada kepercayaan Orang Asli kerana ia telah masuk sesuatu agama atau oleh kerana apa-apa sebab lain, ia masih mengikut cara hidup Orang Asli serta bercakap dalam bahasa Orang Asli tidak boleh disifatkan sebagai tidak lagi menjadi seseorang Orang Asli semata-mata oleh sebab ia mungkin mengamalkan agama itu.
- Apa-apa soal sama ada seseorang adalah Orang Asli atau bukan Orang Asli hendaklah diputuskan oleh Menteri.

Daripada definisi yang dibincangkan di atas, didapati masyarakat Orang Asli merupakan warga peribumi (golongan penduduk asal) Malaysia, namun agak berbeza dengan kelompok penduduk yang diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera. Ini kerana peruntukan di dalam akta telah jelas bahawa istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Malaysia, manakala lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera.

LATAR BELAKANG

Secara tradisinya, masyarakat Orang Asli hanya bergantung kepada hasil laut. Selain itu juga, bagi mencari makanan untuk kehidupan seharian, Orang Asli sentiasa berpindah-randah. Ada juga di kalangan masyarakat Orang Asli yang menyara keluarga dengan bercucuk tanam, berburu dan mencari tumbuh-tumbuhan hutan. Mereka menyara hidup dengan mencari rotan dan damar untuk dijual, di samping menangkap ikan, memburu binatang dan berladang dengan menanam padi huma, jagung dan ubi. Sesetengah kaum yang tinggal berdekatan dengan laut menyara keluarga dengan menjadi nelayan.

Walau bagaimanapun, perubahan dalam sosio-ekonomi telah merubah cara hidup mereka. Semenjak kerajaan memberi penumpuan pembangunan kepada rakyat, kini Orang Asli sudah ada kampung halaman mereka untuk mengubah cara kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum. Kebanyakan perkampungan Orang Asli telah dilengkapi dengan kemudahan bekalan api elektrik, bekalan air dan lain-lain prasarana seperti balai raya dan Pusat Bimbingan Kanak-kanak. Keadaan ini boleh dilihat di perkampungan Orang Asli.

Sejak kerajaan mengadakan program pembangunan ekonomi yang diletakkan di bawah tanggungjawab Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), mereka tidak lagi bergantung hidup dengan hasil hutan, sebagai nelayan dan sebagainya. Kini, hidup mereka lebih teratur. Ekonomi masyarakat Orang Asli kini berpunca dari pendapatan utama iaitu hasil tanaman getah yang di bangukan oleh RISDA dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Sejak kerajaan memberi penumpuan untuk kesejahteraan rakyat, masyarakat Orang Asli kini sudah mempunyai kampung halaman mereka sendiri. Ini bertujuan untuk mengubah kehidupan mereka agar setanding dengan masyarakat umum.

Tujuan kerajaan mengadakan program seumpama ini adalah untuk membangunkan lagi komuniti Orang Asli. Keadaan ini menentukan semua aktiviti pembangunan sosio-ekonomi dapat memberi faedah kepada masyarakat Orang Asli serta mengubah dan meningkatkan taraf hidup mereka ke arah yang lebih sempurna setanding dengan masyarakat umum. Oleh yang demikian, timbulnya persoalan adakah Orang Asli ini betul-betul mempunyai potensi dalam bidang keusahawanan disebabkan oleh terdapat banyak program-program pembangunan Orang Asli yang telah dijalankan seumpamanya di Kg. Sungai Lalang Kachau Dalam di Semenyih telah menyebabkan sosioekonomi komuniti Orang Asli semakin meningkat.

Berdasarkan kepada permasalahan kajian di atas, maka kertas kerja ini secara umumnya ingin mengkaji sejauhmana masyarakat Orang Asli berusaha meningkatkan ekonomi mereka dengan kemahiran yang sedia ada. Di samping melihat minat mereka dalam bidang keusahawanan walaupun terdapat kekangan-kekangan yang menjadi penghalang kepada mereka untuk menceburi bidang ini. Secara lebih khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji potensi keusahawanan yang terdapat di kalangan

masyarakat Orang Asli di kampung-kampung terpilih iaitu di Kg. Sungai Lalang Kachau Dalam di Semenyih, Kg. Sungai Ruil dan Kg. Posmensen di Cameron Highland.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kajian daripada Sawchuck dan Christie, 1998 di dalam artikelnya yang bertajuk *Membertou First Nation indigenous people succeeding as entrepreneurs* menjelaskan bahawa tahap aktiviti keusahawanan di antara penduduk asli masih lagi relatif rendah di Kanada. Pada peringkat nasional sebanyak 3.9 peratus daripada penduduk Orang Asli bekerja sendiri. Borzaga dan Defourny (2001) di dalam jurnalnya iaitu *Indigenous land rights, entrepreneurship, and economic development in Canada: "Opting-in" to the global economy* menyatakan bahawa kerja sosial yang meliputi aktiviti kerja lapangan dan kekuatan modal sosial dalam menyokong penyatuan di kalangan masyarakat Orang Asli supaya seiring dengan masyarakat umum. Mereka juga menyatakan pendapatnya berkaitan kegiatan pembangunan masyarakat dari segi keusahawanan adalah konsisten dengan tempat lain. Hal ini kerana pembangunan peribumi sebagai keusahawanan mempunyai kepentingan dalam masyarakat global. Kajian kes ini memberikan bukti yang kuat di mana keusahawanan ini amat penting di kalangan komuniti Orang Asli. Oleh yang demikian, banyak syarikat yang berminat mengeksploitasi peluang yang ada dalam membantu membangunkan potensi keusahawanan di kalangan Orang Asli ini dalam membangunkan ekonomi mereka sendiri.

Menurut ESCCH, 1993 Economic and Social Council Commission on Human Rights. (1993) dalam artikelnya iaitu *Draft United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli mempunyai hak untuk mempertahankan dan mengembangkan politik, ekonomi dan sosial mereka. Keadaan ini disebabkan supaya komuniti Orang Asli ini selesa dalam menikmati cara hidup dan pembangunan ekonomi mereka. Mereka juga dapat terlibat secara bebas dalam semua aktiviti ekonomi yang lain.

Kajian lepas yang dijalankan oleh Storper and Walker, 1989 dalam artikelnya yang bertajuk *The capitalist imperative: Territory, technology and industrial growth* menyatakan bahawa kebanyakan pihak lebih melihat kepentingan masyarakat dalam rangkaian yang dapat memberikan sesuatu untuk mereka. Kes ini adalah benar di mana penyertaan komuniti Orang Asli dalam keusahawanan dan pembangunan ekonomi nampak berpotensi kerana mereka secara alaminya telah mempunyai sedikit sebanyak kemahiran yang boleh digunakan dalam memajukan masyarakat mereka dengan cara mereka sendiri dengan dibantu oleh pihak tertentu. Tidak semestinya teori peraturan yang digunakan menunjukkan teori pergantungan atau modenisasi salah kerana kedua-duanya merupakan keputusan dari pelbagai pihak. Hasilnya bergantung kepada banyak perkara dan ini tidak sedikit pun mempengaruhi pendekatan yang diambil dalam penyertaan masyarakat peribumi dalam kegiatan ekonomi. Potensi mereka dapat dilihat sekiranya mereka diberi peluang dan pendedahan terhadap keusahawanan dalam membangunkan ekonomi mereka.

METODOLOGI

Metodologi yang digunakan untuk kajian ini ialah menggunakan soal selidik. Kajian yang dijalankan ini adalah berdasarkan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah untuk melihat definisi orang peribumi atau lebih popular dengan nama Orang Asli. Selain itu, kaedah ini juga melihat perbezaan di antara bumiputera dan Orang Asli. Di samping itu, perubahan terhadap sosio-ekonomi juga turut dilihat. Di mana peranan kerajaan yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) memainkan peranan penting dalam membantu membangunkan ekonomi masyarakat oaring asli ini. Manakala kaedah kuantitatif pula digunakan untuk menganalisis soal selidik mengenai potensi keusahawanan di kalangan Orang Asli di perkampungan Orang Asli di Kg. Sungai Lalang Kachau Dalam di Semenyih, Kg. Sungai Ruil dan Kg. Pos Menson di Cameron Highland. Terdapat satu set soal selidik yang disediakan asli yang mengandungi tujuh bahagian. Ketua setiap isirumah sebagai responden dalam kajian ini ditemubual. Proses pengumpulan data merupakan sebahagian aktiviti lawatan sambil belajar kursus EEX6154 EKonomi Dasar Sosial dan EEX2333 Analisis Sosial dan Politik dalam Pembangunan. Sesi temubual dilaksanakan dengan bantuan pelajar lain. Survey di Pos Menson dan Sg Ruil, penemubual bergerak dalam kumpulan dan pergi dari rumah ke rumah untuk menemubual ketua isirumah, sementara di Kg Kachau Dalam, semua ketua isirumah telah dikumpul di dewan orang ramai dan ditemubual.

Bahagian pertama adalah bahagian A di mana melihat profil pemakanan harian. Bahagian kedua pula adalah Bahagian B yang merujuk kepada latar belakang atau profil responden. Bahagian ketiga adalah bahagian C di mana bahagian ini melihat ekonomi di kalangan Orang Asli. Bahagian keempat pula adalah Bahagian D tentang sosial dari segi pendidikan dan keusahawanan Orang Asli. Bahagian kelima pula adalah Bahagian E yang melihat tentang sosial dari segi perumahan Orang Asli. Manakala bahagian keenam adalah Bahagian F yang melihat dari segi kesihatan Orang Asli di mana ianya juga dari aspek sosial. Bahagian terakhir adalah Bahagian G iaitu tentang pendapat dan cadangan. Dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science).

Analisis Regresi

Model yang digunakan dalam analisis adalah seperti berikut:

terlibat atau tidak dalam keusahawanan = $f(\text{umur, jantina, klasifikasi kawasan, kursus, bekerja dibawah orang lain, pendapatan, penggunaan kemahiran})$

Model yang ingin digunakan untuk menganalisis regresi adalah tidak signifikan. Penerangan selanjutnya boleh dilihat pada bahagian hasil kajian.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian pertama menyentuh mengenai latar belakang responden. Bahagian kedua adalah mengenai potensi keusahawanan di kalangan komuniti Orang Asli.

A) Latar belakang responden

Majoriti responden adalah perempuan iaitu sebanyak 54 peratus. Lingkungan umur responden adalah 18 hingga 85 tahun. Purata bilangan isi rumah adalah seramai 5 orang. Kebanyakan responden adalah berkahwin iaitu sebanyak 89.8 peratus. Majoriti penduduk Orang Asli adalah bekerja sendiri iaitu seramai 17.5 peratus diikuti bekerja dengan swasta, suri rumah dan bekerja dengan kerajaan. Berdasarkan jadual 1, pendapatan di bawah RM 440 diklasifikasikan sebagai miskin tegar oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 1997. Merujuk jadual 1 di atas sebanyak 17.6 peratus adalah miskin tegar. Sementara pendapatan di bawah RM 750 dikategorikan sebagai miskin iaitu sebanyak 20.2 peratus. Manakala pendapatan di bawah RM 1500 adalah rendah. Kesimpulannya, daripada pendapatan menunjukkan komoditi Orang Asli masih lagi berada di tahap miskin.

B) Potensi keusahawanan

Mengikut kepada persepsi responden dalam Jadual 2, seramai 94.6 peratus mengatakan tiada pelaksanaan program dan vokasional di tempat mereka. Ini menunjukkan tiadanya program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak tertentu di kawasan Orang Asli. Di antara kemahiran yang dimiliki oleh Orang Asli adalah menjahit, memasak dan diikuti kraftangan, baiki motor, berladang, pembinaan dan terdapat juga yang tiada kemahiran. Oleh yang demikian, pihak-pihak tertentu boleh memainkan peranan untuk memberi nasihat supaya masyarakat Orang Asli ini dapat melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan yang dianjurkan. Hal ini kerana kebiasaannya pihak yang bertanggungjawab akan membantu dengan menyediakan dana atau mikrokredit kepada komuniti Orang Asli. Justeru, dengan nasihat yang diberikan, penduduk Orang Asli ini akan timbul kesedaran agar mereka menjadikan pertanian dan penternakan sebagai aktiviti perniagaan. Dengan inisiatif yang dilakukan ini, komuniti Orang Asli boleh berdikari tanpa mengharapkan bantuan kerajaan atau pihak luar semata-mata bagi menyara kehidupan mereka.

Berdasarkan jawapan responden di Jadual 3, kebanyakan komoditi Orang Asli menggunakan kemahiran mereka dengan menjalankan aktiviti perniagaan barangan hasil produk seperti menjual hasil hutan dan hasil kraftangan iaitu sebanyak 66.7 peratus. Aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan adalah sebanyak 33.3 peratus. Di sini menunjukkan terdapat sebilangan komuniti Orang Asli yang berpengetahuan dan berminat dalam bidang perniagaan.

Jadual 4 melaporkan peningkatan pendapatan Orang Asli menggunakan kemahiran. Mengikut dapatan kajian, sebanyak 43.3 peratus responden dapat meningkatkan pendapatan

mereka menggunakan kemahiran manakala 56.7 peratus mengatakan tidak. Berdasarkan kemahiran yang digunakan dapat dilihat terdapat peningkatan dari segi pendapatan yang diperolehi oleh sebilangan Orang Asli dalam menggunakan kemahiran mereka. Ini menunjukkan potensi keusahawanan wujud di kalangan Orang Asli dengan melihat kepada penggunaan kemahiran mereka untuk menjana pendapatan.

Merujuk kepada jadual 5, sebanyak 92.1 peratus responden mengatakan tidak pernah terlibat dalam aktiviti ceramah keusahawanan. Sebaliknya pernah menghadiri ceramah keusahawanan. Dapat dilihat bahawa penglibatan responden masih lagi rendah. Hal ini demikian kerana hanya terdapat sedikit sahaja program yang dianjurkan oleh pihak-pihak tertentu di kawasan Orang Asli. Maka, komoniti Orang Asli tidak terdedah dengan aktiviti keusahawanan dan seterusnya menyebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran atau pengetahuan dalam bidang keusahawanan walaupun mereka dilihat berpotensi untuk memajukan aktiviti perniagaan mereka.

Berdasarkan jadual 6, kebanyakn responden berminat membuka perniagaan sendiri iaitu sebanyak 60.5 peratus. Ini menunjukkan terdapat sebilangan Orang Asli yang berminat membuka perniagaan sendiri. Maka, jelas membuktikan bahawa wujud potensi keusahawanan dalam diri mereka.

Berdasarkan jadual 7, seramai 41.7 peratus responden dari golongan Orang Asli tidak berpuas hati bekerja di bawah seliaan orang lain manakala selebihnya berpuas hati. Ini menunjukkan terdapat sebilangan daripada mereka lebih berminat untuk bekerja sendiri.

Menurut pandangan responden, antara kekangan yang wujud bagi mereka dalam meniaga atau menjual kemahiran adalah modal dan diikuti kemahiran, pinjaman, kewangan dan masalah dalam mencari orang perantara untuk memasarkan hasil perniagaan atau produk mereka.

Di sini terdapat beberapa cadangan yang telah digariskan oleh responden bagi mengatasi kekangan yang mereka alami dalam meniaga hasil barangan mereka. Antaranya modal, pendedahan melalui kursus, kemahiran, kewangan, campurtangan pihak ketiga dalam memasarkan hasil perniagaan mereka dan juga bantuan yang sepatutnya daripada pihak kerajaan.

Hasil Regresi

Hasil regresi yang diperolehi dalam model yang dibentuk adalah tidak signifikan. Situasi ini mungkin disebabkan hanya segelintir sahaja masyarakat Orang Asli yang keluar pada hari temubual diadakan. Hasil regresi yang tidak signifikan ini juga mungkin disebabkan program yang dijalankan oleh kerajaan bersifat adhoc. Ini bermaksud program secara berterusan tidak dilakukan di tempat atau kawasan yang sama. Kerajaan menjalankan program tersebut di lain-lain kampung atau kawasan. Di samping itu juga, kawal selia daripada pihak terlibat dalam menjalankan program seperti ini adalah pada tahap yang minimum iaitu tidak berterusan. Ini menunjukkan masyarakat Orang Asli tiada insentif untuk meneruskan program yang dianjurkan itu. Mereka juga kurang motivasi dan juga kesedaran dalam diri untuk terlibat dalam keusahawanan. Hal ini disebabkan pihak yang berwajib untuk memberi motivasi dan kesedaran kepada mereka adalah terlalu minimum dan hanya sekali-sekala turun padang untuk menjalankan program tersebut. Ini membuatkan masyarakat Orang Asli tidak begitu berminat dalam bidang ini. Kesannya, mereka hanya meneruskan kehidupan seperti kebiasaan mereka iaitu lebih kepada kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Bagi membolehkan program keusahawanan di kalangan Orang Asli ini mendapat sambutan yang menggalakkan, cadangan yang boleh dibuat adalah kerajaan seharusnya menjalankan sesuatu program secara berterusan di sesebuah kawasan atau kampung. Ini penting kerana dengan program berterusan yang dijalankan akan membuatkan masyarakat Orang Asli ini menyedari betapa pentingnya program yang dianjurkan ini untuk membantu kehidupan mereka agar lebih maju. Di samping dapat hidup dengan lebih baik seperti orang kebanyakan. Kesedaran dan motivasi yang diperolehi daripada program ini sedikit sebanyak dapat membantu menaikkan semangat mereka agar berusaha lebih keras lagi supaya kehidupan mereka dapat diperbaiki. Sehubungan itu juga, pemikiran mereka akan lebih terbuka dan tidak lagi kolot seperti sebelumnya.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, potensi keusahawanan di kalangan Orang Asli ini masih lagi di tahap yang rendah. Oleh yang demikian, pihak terbabit terutamanya pihak kerajaan perlu memainkan peranan penting dalam menerapkan budaya keusahawanan dengan menyediakan kursus atau program yang bersesuaian. Tujuannya diadakan kursus dan program ini adalah supaya komuniti di kalangan Orang Asli ini mempunyai kemahiran yang membolehkan mereka menggunakan kemahiran yang dipelajari itu untuk mencari pendapatan yang lagi baik. Di mana mereka dapat membaiki taraf hidup mereka. Di samping itu, mereka tidak lagi bergantung atau mengharapkan bantuan luar untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Diharapkan masyarakat Orang Asli ini dapat berdikari dan menyedari betapa pentingnya kursus dan program yang dianjurkan ini untuk mereka. Dengan adanya kursus dan program yang diadakan dapat menanam minat di kalangan Orang Asli tentang perniagaan dan keusahawanan.

RUJUKAN

- Borzaga and Defourny, 2001 C. Borzaga and J. Defourny, *The emergence of social enterprise*, Routledge, London (2001). (Online:- <http://www.sciencedirect.com.my> 17 April 2010)
- DBP. 1964. Kamus Inggeris-Melayu Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ESCCCH, 1993 Economic and Social Council Commission on Human Rights. (1993). Draft United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples, United Nations, viewed 30 June 2004. (Online:- <http://www.sciencedirect.com.my> 24 April 2010)
- Hasan Mat Nor. 1998. Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan. *Kertas Kadangkala Bil. 8. Jabatan Antropologi & Sosiologi: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Khairul Hisyam Kamarudin dan Ibrahim Ngah, 2007. *Pembangunan Mapan Orang Asli*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Malaysia. 1974. Undang-Undang Malaysia Akta 134. (Akta Orang Asli 1954 disemak 1974).
- Nicholas, C. 2000. *The Orang Asli And The Contest For Resources. Indigenous Politics, Development And Identity In Peninsular Malaysia*. Copenhagen, Denmark: International Work Group For Indigenous Affairs. (Online:- <http://www.sciencedirect.com.my> 18 April 2010)
- Sawchuck dan Christie, 1998, *Membertou First Nation indigenous people succeeding as entrepreneur*. (Online:- <http://ezproxy.um.edu.my:2110/pqdweb> 22 April 2010)
- Storper and Walker, 1989 M. Storper and R. Walker, *The capitalist imperative: Territory, technology and industrial growth*, Basil Blackwell, New York (1989). (Online:- <http://www.sciencedirect.com.my> 20 April 2010)
- Sunaidin San Ka Chang. 1997. *Ke Arah Peningkatan Taraf Hidup Penduduk Orang Asli Simpang Arang Dalam Konteks Pembangunan Bandar Nusajaya*. Universiti Teknologi Malaysia.
www.jheoa.gov.my

JADUAL 1 : Pendapatan responden (%)

Pendapatan (RM)	Peratus (%)
0-440	17.6
441-750	20.2
751-1000	7.6
1001-1500	3.8

JADUAL 2: Persepsi penduduk terhadap pelaksanaan

Pelaksanaan program dan vokasional	Peratus (%)
Ya	5.4
Tidak	94.6
Jumlah	100

JADUAL 3: Penggunaan kemahiran bagi mendapatkan pendapatan yang lebih baik

Cara menggunakan kemahiran	Peratus (%)
Menjalankan aktiviti perniagaan barangan hasil produk	66.7
Lainnya	33.3
Jumlah	100

JADUAL 4: Peningkatan pendapatan Orang Asli menggunakan kemahiran

Peningkatan pendapatan menggunakan kemahiran	Peratus (%)
Ya	43.3
Tidak	56.7
Jumlah	100

JADUAL 5: Penglibatan responden dalam aktiviti ceramah keusahawanan

Penglibatan	Peratus (%)
Ya	7.9
Tidak	92.1
Jumlah	100

JADUAL 6: Minat responden membuka perniagaan sendiri

Minat	Peratus (%)
Ya	60.5
Tidak	39.5
Jumlah	100

JADUAL 7: Kepuasan bekerja di bawah seliaan orang lain

Kepuasan	Peratus (%)
Ya	58.3
Tidak	41.7
Jumlah	100